

M. Pelajar Timur Tengah Tunjuk Minat

Sebilangan besar pelajar-pelajar dari Timur Tengah telah menunjukkan minat yang mendalam untuk melanjutkan pelajaran mereka di peringkat Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah (Phd) di Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM), demikian menurut Muhammad Najib Othman, Pegawai Perhubungan Korporat KUKUM semasa ditemui di sini, selepas tiba dari lawatan Promosi KUKUM ke tiga buah negara Timur Tengah pada 24 Mei - 2 Jun 2005 lalu.

Delegasi KUKUM yang telah diketuai oleh Prof. Madya Dr. Zuraidah Mohd Zain, Dekan Pengurusan Akademik dan Pengantarabangsaan dengan diiringi oleh Prof. Madya Dr. Puteh Saad, Timbalan Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan KUKUM telah berada di Doha, Qatar, Kuwait City, Kuwait dan Abu Dhabi serta Dubai di Emiriyah Arab Bersatu.

Muhammad Najib berkata, kebanyakan warga Timur Tengah yang ditemui semasa pameran berlangsung, begitu berminat untuk melanjutkan pelajaran ke negara ini atas beberapa faktor tertentu. Mereka memilih Malaysia kerana suasana politik yang stabil, kos sara hidup dan perbelanjaan yang murah serta kesan dari peristiwa 11 September yang telah menyebabkan kesukaran mereka untuk mendapatkan visa ke negara-negara Barat.

"Rata-rata rakyat di Timur Tengah sedia maklum dan tahu tentang Malaysia. Imej Malaysia di negara-negara Timur Tengah ini juga sangat tinggi. Kebanyakan dari mereka memilih Malaysia sebagai destinasi untuk melanjutkan pelajaran kerana akur dengan kualiti pendidikan kita yang bermutu dan diiktiraf di peringkat antarabangsa. Dua bidang yang dikenalpasti menjadi tarikan utama mereka ialah di dalam bidang informasi teknologi serta bahasa Inggeris".

"Sasaran KUKUM ialah untuk menawarkan program Pasca Siswazah iaitu program Sarjana dan Doktor Falsafah kepada warga Timur Tengah yang berminat. Penyertaan ke lawatan promosi ini juga memberi peluang memperkenalkan KUKUM kepada masyarakat di sana selain mahu mencari tenaga pengajar iaitu pensyarah antarabangsa untuk menjadi tenaga pengajar di universiti kami", ringkas beliau lagi.

Program promosi itu yang telah dianjurkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, antara lain bertujuan untuk mempromosikan universiti-universiti Malaysia sekaligus untuk menarik minat orang ramai dari negara-negara berkenaan untuk melanjutkan pelajaran ke Malaysia. Selain KUKUM, turut mengikuti lawatan promosi tersebut ialah lima wakil universiti awam yang lain seperti Universiti Malaya, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi MARA, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia serta dua buah universiti swasta yang lain iaitu Universiti Teknologi Petronas dan Universiti Multimedia Malaysia.